

Siasatan tiga anggota penguat kuasa DBKL di peringkat akhir

Kuala Lumpur: Siasatan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenai status tiga anggota penguat kuasa di peringkat akhir.

DBKL berkata, tiga anggota terbabit direhatkan susulan insiden pada 28 Mac lalu membabitkan peniaga belon, Muhammad Zaiumuddin Azlan.

“Dimaklumkan bahawa siasatan dalaman DBKL berkaitan isu ini kini berada di peringkat akhir.

“Memandangkan isu ini turut menjadi kes siasatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), DBKL mengambil pendirian untuk tidak mengeluarkan sebarang ulasan lanjut buat masa ini,” katanya.

Menurutnya, langkah ini diambil bagi menghormati proses siasatan yang sedang dijalankan dan memastikan ia dapat berlangsung dengan lan-

car, telus dan tanpa sebarang gangguan.

“Pendekatan ini juga adalah selaras dengan komitmen DBKL untuk memastikan setiap siasatan dilaksanakan secara menyeluruh, adil dan berlandaskan prinsip integriti.

“DBKL sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa dalam menjalankan siasatan ini,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan berlaku kekecohan di Jalan TAR apabila serbuan DBKL terhadap peniaga tanpa lesen bertukar menjadi pergaduhan.

Berdasarkan dua rakaman video tular berdurasi lebih tiga minit di media sosial, berlaku aksi tolak menolak antara pegawai penguat kuasa DBKL dan sekumpulan peniaga yang cuba mempertahankan barangan jualan mereka.